

<b>Headline</b>	<b>Antara Kursus Pilihan Dan potensi Diri</b>	<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Date</b>	<b>19. Apr 2008</b>	<b>Page No</b>	<b>6</b>
<b>Media Title</b>	<b>Utusan Malaysia</b>	<b>Article Size</b>	<b>518 cm<sup>2</sup></b>
<b>Section</b>	<b>Yo!</b>	<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Circulation</b>	<b>238082</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Readership</b>	<b>833287</b>		



# Antara kursus pilihan dan potensi diri (Bahagian satu)

**KEPUTUSAN** peperik saan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) telah diketahui oleh semua calon pada bulan Mac lepas.

Seperi keputusan tahun-tahun sebelumnya, ada calon yang memperoleh cemerlang, sederhana dan tidak kurang yang lemah atau gagal.

Kepada calon yang memperoleh keputusan cemerlang tentulah berasa sangat gembira dan puas, sambil disambut kegembiraan dan kesyukuran oleh ibu bapa, guru-guru dan rakan-rakan.

Manakala calon yang mendapat keputusan sederhana atau lemah, anda tidak harus berasa terlalu bimbang kerana peluang meneruskan pengajian masih ada.

Misalnya, di politeknik, kolej swasta, kolej komuniti, institusi teknikal dan institusi kemahiran belia adalah tempat para calon meneruskan pengajian dan kemahiran sesuai dengan kelulusan masing-masing.

Pada ruangan ini dan akan datang saya akan memberi panduan bagaimana memilih kursus yang sesuai dengan kelayakan akademik SPM atau STPM yang diperoleh dan pada masa yang sama menepati dengan minat serta potensi diri calon.

## Panduan memilih kursus

Pemilihan kursus yang betul sangat penting supaya para calon tidak menjadi mangsa tersalah pilih dan akhirnya kecewa di kemudian



**MOHD. YAHYA MOHAMED ARIFFIN**  
Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

hari.

Berdasarkan pemerhatian penulis, terdapat tujuh faktor yang boleh dijadikan panduan kepada calon khususnya yang bermasalah dalam membuat pilihan kursus.

Sebelum membuat pilihan kursus calon perlu mengambil kira faktor minat, kelayakan, syarat kemasukan, kesesuaian aliran, kecenderungan dan kebolehan, citacita dan keperluan pekerjaan semasa.

### 1. Minat

Minat terhadap sesuatu kerjaya atau bidang amat mempengaruhi calon dalam memilih kursus

berkaitan di institusi pengajian atau latihan kemahiran dan seterusnya berupaya menjamin pekerjaan yang dicita-citakan kelak.

Misalnya, calon meminati bidang perhubungan awam. Maka kursus itu boleh diikuti di Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Mara dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Di samping itu, banyak universiti dan kolej swasta menawarkan kursus itu.

Terdapat juga keadaan calon tidak berminat tetapi atas desakan ibu bapa yang ingin melihat kejayaan anak mereka, calon akur dan memilih bidang yang tidak diminati.

Calon misalnya, meminati bidang reka bentuk dalam, tetapi ibu bapa mendesak supaya mengambil jurusan perubatan.

Akhirnya, tindakan tersebut memberi kesan negatif kepada pembelajaran calon seperti sikap malas belajar atau tekanan emosi sehingga mengalami kegagalan semasa di institusi pengajian.

Hal ini akan merugikan bukan sahaja kepada calon itu sendiri tetapi ibu bapa dan penaja biasanya yang telah banyak menghabiskan wang ringgit untuk menghantar calon melanjutkan pengajian dalam atau luar negara.

Oleh itu, pilihlah kursus mengikut minat calon yang tertanam sejak lama dalam minda anda. Berbincangang dengan ibu bapa supaya konflik itu dapat diselesaikan.

### 2. Kelayakan akademik

Kelayakan akademik merupakan faktor yang menjadi pentuan kepada seseorang calon sama ada diterima atau sebaliknya memasuki universiti atau institusi latihan dan kemahiran.

Calon perlu memastikan memiliki kelayakan yang ditetapkan untuk memohon mengikuti sesuatu program pengajian.

Sebagai contoh, untuk melanjutkan pengajian ke program peringkat sijil di kolej komuniti, seorang pelajar harus lulus SPM.

Begitu juga untuk mengikuti pengajian peringkat diploma di politeknik, pelajar harus lulus SPM dan sekurang-kurangnya dengan lima kepujian termasuk Bahasa Melayu.

Untuk mengikuti pengajian di peringkat ijazah sarjana muda di universiti, calon harus memiliki STPM dengan kelulusan empat prinsipal.

### 3. Syarat kemasukan

Para calon perlu mengambil perhatian bahawa untuk melanjutkan pengajian terdapat dua jenis syarat yang perlu dipenuhi iaitu syarat asas dan syarat khusus.

Misalnya, kelayakan asas yang ditetapkan untuk memohon mengikuti pengajian Diploma Sains Kesetiausahaan di politeknik memerlukan calon-calon warganegara Malaysia dan lulus SPM.

Syarat khusus pula memerlukan pelajar mendapat lima kepujian termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Bagi kursus diploma kemahiran anjuran Institut Kemahiran Belia

Negara, syarat asas ialah calon hendaklah warganegara Malaysia dan lulus SPM. Manakala syarat khusus ialah lulus mata pelajaran Bahasa Melayu, Sains dan Matematik.

Contoh lain ialah permohonan di peringkat ijazah doktor pergigian di UM. Selain syarat umum iaitu lulus STPM dan lulus Pengajian Am, syarat khusus ialah calon harus mendapat *prinsipal* yang baik dalam tiga mata pelajaran sama ada Biologi, Kimia, Fizik atau Matematik.

### 4. Kesesuaian aliran

Calon juga harus sedar bahawa tidak semua kursus akan ditawarkan kepada calon dari semua aliran (iaitu aliran sains, sastera, agama, teknik serta vokasional). Terdapat program yang ditawarkan kepada salah satu aliran sahaja.

Misalnya, bidang perubatan termasuk dalam aliran sains tulen. Bidang sains kemasyarakatan hanya untuk aliran sastera, manakala bidang syariah hanya untuk pelajar aliran agama.

Oleh itu, calon aliran sastera tidak sesuai untuk memilih kursus kejuruteraan atau perubatan dan sebaliknya, calon aliran sains tulen tidak sesuai melanjutkan pengajian dalam jurusan sains kemasyarakatan.

Namun terdapat kursus yang dibuka kepada lebih daripada satu aliran. Misalnya, bidang teknologi maklumat dan pendidikan.

Faktor lain yang mungkin mempengaruhi calon akan dijelaskan pada keluaran akan datang.